

ANALISA SIRKULASI DAN
REKABENTUK RUANGAWAM
DI KOMPLEKS DAYABUMI
KUALA LUMPUR

sebuah disertasi oleh:
Rossinah Mahmood
k/p: 88039278
kursus: Diploma Senibina
Tahun 3

kepada Jabatan Senibina, KSPU
ITM, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
sebagai memenuhi kehendak
matapelajaran ARC 392

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN
DAN UKUR

Ini adalah disahkan bahawa
disertasi ini telah disediakan oleh:

Nama : Rossinah Mahmood
K/p ITM : 88039278

Disertasi ini telah dibaca dan disemak oleh:

Penasihat/penilai : En. Yazid Jaafar
Penyelia/penyelaras : En. Ramli Abdullah
Jabatan Senibina

Tandatangan Penasihat/
penilai

Tarikh

.....

.....

Tandatangan Penyelia/
penyelaras

Tarikh


.....

.....

KANDUNGAN

Senarai Gambarfoto / Plet

Senarai Rajah

Prakata

Penghargaan

Metadologi

Pengenalan

BAHAGIAN I : PEMBAHAGIAN DAN PENGGUNAAN RUANG

Bab 1 : Pembahagian Ruang
Tingkat Dua Asas Podium
Tingkat Satu
Tingkat Bawah
Tingkat Basement
Tingkat Sub-basement

Bab 2 : Penggunaan Ruang
2.1 : Ruang-ruang Awam
2.2 : Penyata Masalah
2.3 : Analisa
2.4 : Kesimpulan Analisa
2.5 : Cadangan

BAHAGIAN II : PERANCANGAN SIRKULASI

Bab 3 : Sirkulasi di Ruang Legar
3.1 : Penyata Masalah
3.2 : Analisa
3.3 : Kesimpulan Analisa
3.4 : Cadangan

Bab 4 : Plaza dan Laluan Pejalan Kaki
4.1 : Penyata Masalah
4.2 : Analisa
4.3 : Kesimpulan Analisa
4.4 : Cadangan

PRAKATA

Sejak mula Kompleks Dayabumi siap dibina, ramai yang memperkatakan tentang betapa menariknya kompleks ini dengan menaranya yang tinggi dan berwarna putih serta rekabentuknya yang menarik. Keindahannya semakin terserlah terutamanya di waktu malam apabila lampu-lampu dipasang. Plaza pejalan kakinya yang dirancang dengan baik juga menarik perhatian orang ramai. Apabila saya berpeluang melihatnya sendiri, memanglah tidak dapat saya nafikan akan kebenaran kata-kata yang didengar sebelumnya.

Beberapa tahun berlalu dan Kompleks Dayabumi ini tidak lagi diperkatakan tentang kehebatannya. Akan tetapi, saya banyak mendengar cerita-cerita dari sumber-sumber yang boleh dipercayai tentang beberapa masalah yang sedang dihadapi di Kompleks Dayabumi, terutamanya di dalam mengawal pergerakan manusia (pengunjung) dan juga pergerakan kenderaan di kawasan letak kereta. Masalah di dalam mengawal pergerakan pengunjung-pengunjung yang keluar masuk ruang legar tingkat satu Menara Dayabumi dan juga di dalam masalah mengawal penyalahgunaan plaza di tingkat dua menarik perhatian perhatian saya. Apa yang menarik bagi saya di dalam masalah di ruang legar ini ialah kerana saya sendiri yang telah beberapa kali berkunjung ke Kompleks Dayabumi juga menggunakan ruang legar ini sebagai laluan kerana tidak tahu (mungkin kerana kurang mengambil tahu) akan adanya laluan yang lain. Apabila saya mengetahui akan adanya satu lagi laluan, timbul satu lagi pertanyaan pada diri saya sendiri tentang mengapa laluan yang satu lagi kurang digunakan.

Begitu juga dengan masalah penyalahgunaan plaza pejalan kaki di waktu malam. Persoalannya di sini ialah apakah yang menyebabkan

Pengenalan

Kompleks Dayabumi yang terletak di Jalan Sultan Hishamuddin telah dibuka dengan rasminya menjelang akhir tahun 1983. Kompleks ini terdiri daripada sebuah menara tiga puluh enam tingkat, Pejabat Pos Besar dan Ibu Pejabat Pos, sembilan tingkat dan Blok Podium atau Citypoint, enam tingkat. Di sebelah selatan Kompleks ini ialah "Commuter Railway Station" dan "Concourse" serta Bangunan Letak Kereta empat tingkat. Di hujung sebelah utara pula ialah Bank Pertanian dan Bangunan JKR No 26 yang dihubungkan kepada Kompleks Dayabumi dengan Plaza Pejalan Kaki.

Jumlah keluasan lantai bagi ketiga-tiga bangunan tersebut ialah 218, 675 meter persegi, sementara jumlah keluasan seluruh kawasan ini pula ialah 13.5 ekar. Jumlah perbelanjaan pembinaan bagi keseluruhan kawasan ini yang meliputi kerja-kerja pembinaan asas, Pejabat Pos Besar, jalan-jalan penghubung, menara pejabat, Blok Podium, perhentian bas, perancangan senitaman, kerja-kerja di sepanjang Sungai Kelang, plaza pejalan kaki bersebelahan dengan Bank Pertanian, laluan di sekeliling kawasan kompleks serta kontrak untuk H.T. dan BAS adalah dianggarkan kurang dari empat ratus juta ringgit.

Konsep Rekabentuk

Konsep asas kepada projek ini ialah untuk mencari satu rekabentuk yang boleh menyatukan keseluruhan kawasan seluas 13.5 ekar sambil menyediakan semua kemudahan yang diperlukan serta memastikan bahawa keseluruhannya adalah sesuai dan berfungsi sebagai sebaha-